

SKEMA PERCUBAAN B. MELAYU K1 DAN K2

Bahagian A :

- Pelajar-pelajar dapat menghuraikan/ memberi pendapat tentang peranan keluarga dalam membantu anak-anak mengisi masa lapang dengan pelbagai aktiviti berfaedah.

Bahagian B:

Soalan 1: Cadangan isi

Pendahuluan:

- Teknologi Maklumat medium utama dalam penyaluran dan penyebaran maklumat.
- Penggunaan Teknologi Maklumat dalam kalangan pelajar memberi pelbagai impak sama ada positif mahupun negatif.
- Oleh itu, pelajar perlu bijak mengaplikasikan Teknologi Maklumat dalam proses pembelajaran agar dapat memberi impak positif kepada mereka.

Isi 1:

- Saya/ pelajar menjadikan Teknologi Maklumat sebagai saluran untuk mendapatkan bahan rujukan dalam pembelajaran.
- Saya dapat memperoleh sumber bacaan luas untuk membantu proses pembelajaran

Isi 2:

- Saya/ pelajar dapat memperoleh maklumat / mengetahui tentang perkembangan dunia luar.

Isi 3:

- Saya/pelajar dapat menambahkan jaringan rakan maya untuk berkomunikasi di samping dapat mengenali adat dan budaya masing-masing.

Isi 4:

- Saya/pelajar dapat menjimatkan masa pembelajaran kerana Teknologi Maklumat menjadi alternatif rujukan yang sistematik, cepat, mudah dan efisien – dunia tanpa sempadan.

Isi 5:

- Saya/pelajar dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang Teknologi Maklumat dengan menggunakan pelbagai gajet – mengelakkan diri dianggap sebagai katak di bawah tempurung.

Penutup:

-Pelajar yang bijak menggunakan Teknologi Maklumat dalam kehidupan seharian akan menjadi pemangkin ke arah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Soalan 2: Cadangan isi

Pendahuluan:

- Institusi kekeluargaan merupakan tonggak utama kecemerlangan sesebuah keluarga
- Dalam konteks ini ibu bapa menjadi suri teladan yang terbaik ke arah pembentukan keluarga penyayang.
- Pelbagai langkah perlu dilakukan oleh tonggak keluarga untuk melahirkan keluarga penyayang

Isi 1: Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak

- Pembentukan sahsiah anak-anak bermula dari rumah
- Ibu bapa sentiasa bersikap positif, mendampingi anak-anak, meluangkan masa bersama-sama anak-anak

Isi 2: Ibu bapa memberikan didikan agama sejak kecil

- melentur buluh biarlah dari rebungunya
- Didikan agama akan dapat mengukuhkan jati diri anak-anak
- Hubungan ahli keluarga yang berlandaskan ajaran agama akan menjadi semakin erat
- Agama mendidik ahli keluarga saling hormat-menghormati dan sayang- menyayangi

Isi 3: Ibu bapa perlu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak

- Perasaan bertolak ansur dan tegur-menegur secara berhemah akan menjadikan sesebuah keluarga itu harmonis dan tenteram
- Tidak akan ada pergaduhan yang berlaku
- Perselisihan faham yang kecil tidak merebak dan boleh diselesaikan dengan mudah

Isi 4: Ibu bapa perlu menyediakan keperluan asas yang sesuai dengan kehidupan anak-anak.

- Anak-anak akan berasa dihargai, disayangi dan diberikan perhatian
- Apabila tanggungjawab asas ini dilakukan oleh ibu bapa, akan wujud rasa sayang dan anak-anak faham inu bapa sayang dan tidak mengabaikan mereka.
- Justeru, keluarga penyayang akan dapat diwujudkan

Isi 5: Ibu bapa perlu mengamalkan sikap terbuka.

- Mengelakkan anak melabelkan ibu bapa mereka sebagai orang yang tidak memahami jiwa mereka.
- Ibu bapa sekarang harus menjadi rakan kepada anak-anak mereka
- Berkonsi minat dan kebolehan dengan anak-anak.
- Anak-anak diberi peluang berkongsi kegembiraan, kesedihan dengan ibu bapa.
- Anak-anak juga tidak merasakan diri mereka terkongkong kerana memiliki ibu bapa yang bersifat terbuka.
- Ibu bapa cuba menimbulkan suasana aman damai dalam keluarga dengan cara menyelami dan mengenali sifat anak-anak.

Penutup:

Sesebuah keluarga yang menerapkan nilai-nilai kasih-sayang dalam kehidupan berkeluarga bukan sahaja dapat menjadikan kehidupan seharian lebih sempurna malah membantu membentuk keharmonian dalam masyarakat.

Soalan 3

Pendahuluan:

- Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai warisan dan artifak sejarah yang masih kekal sehingga ke hari ini.
- Menjadi tarikan utama pelancong asing ke negara kita
- Pelbagai langkah perlu dilaksanakan untuk menjadikan tempat pelancongan di Malaysia lebih menarik.

Isi 1: mengadakan kempen dan iklan

- menyebarkan luaskan kempen dan iklan ke seluruh dunia tentang keindahan Malaysia melalui media massa.
- Memperkenalkan tempat-tempat menarik di Malaysia yang masih terpelihara keindahannya
- Menjadikan tahun Melawat Malaysia sebagai acara tahunan

Isi 2 : promosi produk pelancongan

- Mempelbagaikan produk kraftangan sebagai warisan bangsa
- Mewujudkan budaya inovasi dalam meningkatkan kualiti kraftangan sebagai sumber pendapatan negara
- Mempamerkan menu-menu tempatan (sate, mi, rojak, nasi dagang dll.)

Isi 3 : meningkatkan prasarana atau infrastruktur

- Menyediakan prasarana yang lengkap dan selesa atau mencukupi
- Menaik taraf motel, hotel, rumah tumpangan dan sebagainya sesuai dengan pelancong dan mampu dibiaya
- Menyediakan tempat rekreasi yang dapat menarik minat pelancong

Isi 4: Mengekalkan budaya dan adat resam

- Malaysia memiliki budaya dan adat resam yang unik kerana mempunyai masyarakat majmuk
- Amalan hidup berhamah dan bersopan santun perlu dipelihara
- Amalan adat dan budaya sesuai dengan budaya timur
- Mengamalkan nilai mesra menerima pelancong asing
- Bijak dan mahir berkomunikasi banyak bahasa

Isi 5: Mengekalkan warisan dan tempat-tempat menarik

- Menjaga tempat-tempat yang berpotensi sebagai tempat rekreasi atau tempat bersejarah
- Contoh tempat bersejarah seperti Melaka dan Pulau Pinang yang dianugerahkan sebagai Tapak Warisan Dunia.
- Malaysia banyak muzium warisan seperti di Bandar Hilir Melaka, Muzium Sarawak dll
- Warisan ini dikekalkan agar tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas

Penutup:

- Komitmen daripada semua pihak amat diperlukan dalam usaha menjadikan tempat pelancongan di Malaysia lebih menarik.

Soalan no 4: Kesan positif kedatangan pekerja asing ke negara kita

Pendahuluan:

Malaysia merupakan sebuah negara membangun yang pesat di rantau Asia. Pembangunan yang terancang memerlukan banyak sumber tenaga kerja asing digunakan. Oleh itu, kedatangan tenaga kerja asing banyak memberikan sumbangan kepada negara kita.

Isi 1 : Tenaga kerja asing membantu melonjakkan pembangunan negara

- Membantu buruh binaan di sektor pembinaan menyebabkan banyak projek mega dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan
- Menjadi tenaga kerja dalam sektor perkilangan – membangunkan ekonomi negara berasaskan bidang perindustrian.
- Menjadi buruh di sektor perladangan - memajukan sektor ladang seperti ladang kelapa sawit, getah, nenas dan sebagainya. – menjadikan sektor perladangan begitu kompetitif kepada pembangunan industri negara.
- Tenaga kerja asing dipilih kerana kos upah yang murah berbanding pekerja tempatan
- Komitmen terhadap pekerjaan begitu tinggi

Isi 2: mewujudkan persaingan sihat dengan penduduk tempatan

- Kedatangan tenaga kerja asing memberi saingan kepada penduduk tempatan agar sama-sama merebut peluang dalam bidang pekerjaan yang ditawarkan
- Bagi menyaingi ketekunan dan kemahiran pekerja asing, pekerja tempatan perlu memperbaiki kelemahan yang dimiliki
- Pekerja tempatan akan lebih rajin, lebih giat dan aktif

Isi 3 : Mengeratkan hubungan diplomatik dengan negara-negara serantau

- Kedatangan dan kemasukan tenaga asing secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan diplomatik dengan negara-negara serantau.
- Hubungan ini akan menjamin kestabilan politik dan kerjasama negara kita dengan negara terbabit
- Melalui hubungan diplomatik yang erat, banyak perkara dapat dilakukan dan diselesaikan

Isi 4 : mewujudkan pemindahan teknologi luar ke negara kita

- Kepakaran tenaga kerja asing seperti Korea, Jepun, dan Perancis terutama dalam bidang teknologi kejuruteraan mampu dicontohi oleh pekerja tempatan.
- Kepakaran mereka amat diperlukan untuk pembangunan negara
- Gabungan /kolaborasi teknologi luar dan tempatan akan menjadikan proses pembangunan yang dilakukan lebih efisien.

Isi 5 : Mewujudkan silang budaya dalam kalangan penduduk tempatan

- Perkahwinan campur antara penduduk tempatan dengan warga asing yang datang bekerja di negara kita – wujudnya percampuran budaya/ silang budaya
- Hal ini menjadikan penduduk di Malaysia lebih bersifat terbuka dalam mengamalkan budaya dan adat resam
- Menjadikan masyarakat di Malaysia ini unik dan menarik

Penutup:

Kedatangan tenaga kerja asing ke negara kita bukan sahaja membawa kepelbagaian budaya malah berlaku juga pemindahan teknologi dan kepakaran. Hal ini akan menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang maju selaras dan seiring dengan pembangunan dunia.

Soalan no. 5:

- Pelajar-pelajar dapat menulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa yang diberi dengan menggunakan kreativiti masing-masing.
- Cerita itu perlu mempunyai binaan plot penceritaan – permulaan, perkembangan, permasalahan, konflik, klimaks dan peleraian.

SKEMA JAWAPAN KERTAS 2 SET 2

Soalan 1: Rumusan

Jawapan:

1. Pendahuluan:

Petikan membincangkan langka-langkah/ cara-cara untuk meningkatkan ilmu sains sukan negara kepada para atlet negara Malaysia. [2 markah]

2. Isi Tersurat:[setiap satu isi = 2 markah]

1. Atlet seharusnya mempunyai konsep sendiri dalam mempertingkatkan ilmu sains sukan bagi meningkatkan tahap pencapaian.
2. Pembinaan kekuatan asas tubuh badan sepatutnya didedahkan di peringkat permulaan.
3. Kemahiran asas sukan yang betul sepatutnya didedahkan di peringkat awal.
4. Pelajar sekolah seharusnya didedahkan ilmu sains sukan melalui pembelajaran subjek pendidikan jasmani.
5. Subjek sains sukan perlu didedahkan secara menyeluruh kepada semua atlet.
6. Usaha melahirkan lebih banyak graduan pendidikan jasmani dan pendidikan sains sukan perlu diteruskan dan dipercepatkan.
7. Penubuhan institut sukan negara di setiap negeri perlu diteruskan dan dipercepatkan.
8. Latihan yang bersistematik perlu diaplikasikan oleh atlet supaya dapat mempelajari teknik asas sukan dengan betul.

- Terima mana-mana 6 isi. Maksimum markah = [12 markah]

2. Isi Tersirat:

Kesan-kesannya:

1. Dapat melahirkan atlet yang berkualiti dan berwibawa/ bertaraf dunia.
2. Dapat meningkatkan mutu sukan negara/ Mutu pencapaian sukan negara meningkat.
3. Para atlet mampu bersaing dengan atlet luar negara/ mampu berdaya saing dengan atlet dari luar negara.
4. Meningkatkan semangat dan motivasi para atlet/ pelajar untuk melibatkan diri dalam sukan.
5. Melahirkan disiplin yang tinggi dalam kalangan para atlet negara.
6. Membantu atlet berhadapan dengan situasi tegang ketika dalam pertandingan.
7. Meningkatkan keyakinan atlet ketika dalam pertandingan.

- Terima mana-mana 2 isi. Maksimum markah = 4 markah

Kesimpulan:

Semua pihak perlu menyokong usaha dalam meningkatkan ilmu sains sukan negara agar sukan negara mampu bersaing di persada dunia. [2 markah]

Soalan Pemahaman:

- i) Berikan maksud rangkai kata '*terarah kepada kegagalan*' berdasarkan petikan tersebut.
- tertuju kepada tidak berjaya/tidak berhasil/tidak mencapai matlamat/tidak menjadi
- [2 markah]
- ii) Mengapakah atlet gagal dalam kejohanan dan tidak menunjukkan tahap pencapaian yang membanggakan?
- kelemahan taktikal atlet sendiri [1 1/2 markah]
 - kurang pendedahan terhadap sains sukan [1 1/2 markah]
- [3 markah]
- iii) Pada pendapat anda, mengapakah masih terdapat dalam kalangan pelajar yang kurang berminat untuk melibatkan diri dalam kegiatan sukan?
- [4 markah]
- mahu menumpukan perhatian terhadap pelajaran
 - menganggap bersukan sebagai membuang masa
 - kurang sokongan daripada ibu bapa
 - terdapat kekurangan peralatan yang langkap dan sempurna di sekolah
 - pelajar terlalu sibuk dengan program-program akademik.
 - keseronokan menggunakan gajet/terlalu seronok menghabiskan masa dengan gajet.
- Terima mana-mana jawapan yang sesuai.
 - Maksima = 4 markah

Soalan 2(b) – Pemahaman petikan drama

- i) Dua sebab Pak man mengatakan hasil tangkapan tidak banyak
- kesan tsunami
 - ikan besar belum ada/ ikan besar dihanyutkan ombak besar
- [2 markah]
- ii) Cara untuk membantu meringankan beban orang ditimpa bencana [3 markah]
- memungut derma untuk mereka
 - melawat tempat bencana dan memberikan bantuan yang diperlukan
 - membantu memulihkan kawasan bencana seperti tempat tinggal, membersihkan kawasan tersebut
 - memberi sokongan moral
 - memberi bantuan perubatan

- iii) Satu nilai yang terdapat dalam petikan
- kesyukuran [1 m]
 - Bersyukur kerana terselamat daripada menjadi mangsa tsunami [1m]
- Satu nilai dalam keseluruhan drama
- kesetiaan [1m]
 - Mak Jimah begitu setia menunggu suaminya pulang di tepi pantai setiap hari [1m]
 - kasih sayang [1m]
 - Jimah sangat menyayangi suaminya dan sentiasa mendoakan suaminya pulang ke pangkuannya. [1m]
 - keprihatinan [1m]
 - Sani sentiasa bersama-sama ibunya semasa ayahnya hilang di laut [1m]
 - kesopanan [1m]
 - Pak Man menasihati Sabariah yang bersikap kurang ajar /kurang sopan kepada ibunya bapanya [1m]
- Terima mana-mana jawapan.
 1 markah untuk nilai
 1 markah untuk penerangan
 Maksima 4 markah

Soalan 2(c) – Petikan prosa klasik

- i) Maksud rangkai kata
- Menjaga keselamatan kapal tersebut [2 markah]
- ii) - mencabut keris [1 markah]
- menikam seekor ayam [1 markah]
 - dengan keris berlumuran darah pergi berjumpa Tuanku Nakhoda Tua [1 markah]
- Maksimum = 3 markah
- iii) Sekiranya saya Tuanku Nakhoda Tua
- Positif:
- mengucapkan terima kasih
 - memberikan hadiah
 - mengiktiraf sebagai pahlawan atau wira
 - mengahwinkannya dengan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa
- Terima mana-mana 3 jawapan yang sesuai maksimum = 3 markah

Negatif:

- menyelidik pengakuan jurumudi
- memeriksa keris dan kesan darah pada keris jurumudi
- meminta untuk melihat musuh yang dibunuh

- Terima mana-mana 3 jawapan yang sesuai. Maksimum = 3 markah

Soalan 2(d) –Sajak

- i) Ikrar yang telah menjadikan Langkawi terkenal [2 markah]
- ii) - Langkawi sebagai pusat pelancongan
 - sumpahan yang membawa perubahan
 - kehebatan seorang tukang cerita
 - kepentingan sastera kepada masyarakat [3 markah]
- iii) Pada pendapat saya..
 - penuh dengan kesan sejarah – Legenda Mahsuri
 - pusat perdagangan bebas cukai
 - kawasan pelancongan pesisir pantai
 - penganjuran sukan maritim antarabangsa – LIMA
 - alam semula jadi yang menarik
 - industri desa yang berkembang pesat – penghasilan minyak gamat makanan dll
- Terima mana-mana jawapan yang sesuai.
 - Maksima = 4 markah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a): 6 markah
- Soalan 3(b): 6 markah
- Soalan 3(c): 6 markah
- Soalan 3(d): 6 markah
- Soalan 3(e): 6 markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan markah yang diperolehi.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan yang digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan) beri 0 markah.

(i) **Belut**

- Sejenis ikan yang panjang (spt ular) dan licin (hidup dalam lumpur)
- Contoh ayat : Pak Karim mengusahakan ternakan **belut** secara besar-besaran

Belot

1. Berpihak kepada musuh (menderhaka)
2. berlaku tidak setia (tidak jujur), berpaling hati
3. meninggalkan agama dll, murtad

Contoh ayat : Orang yang **belot** kepada negara wajar dihukum seberat-beratnya.

(ii) **Kesal**

1. Berasa kecewa atau tidak senang hati, berasa sebal, berasa jengkel
2. Perasaan kecewa (sesal, tidak senang hati), perasaan jengkel

Contoh ayat: Salim berasa **kesal** kerana disebabkan perbuatannya rumah Pak Hamid musnah dijilat api.

kesan

1. Tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu, bekas
2. Sesuatu (sama ada kebaikan atau keburukan) yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, tindakan, dll), kesudahan (hasil, akibat) daripada sesuatu, efek
3. Pengaruh (pada pemikiran, sikap, watak dsb) yang timbul akibat daripada menyaksikan (mendengar atau membaca) sesuatu, efek

Contoh ayat: Rasdan berasa hairan apabila melihat **kesan** tapak kaki yang banyak di sekeliling rumahnya.

(iii) **luluh**

1. Hancur menjadi serbuk, remuk

Contoh ayat : Hatinya menjadi **luluh** apabila mendengar berita perceraian kedua-dua ibu bapanya.

lumpuh

1. Tidak kuat atau tidak bertenaga (kaki atau bahagian lain tubuh)
2. Tidak bergerak (berjalan)

Contoh ayat : Pemuda itu **lumpuh** selepas terlibat dalam satu kemalangan jalan raya dua tahun yang lalu.

[6 Markah]

Jawapan 3(b) –Tukar ayat aktif kepada ayat pasif

- i) Anak-anak perlu diawasi ibu bapa/ oleh ibu bapa mereka supaya tidak terjebak dalam kegiatan yang kurang bermoral. [2 markah]
- ii) Spesies tumbuh-tumbuhan pelik di hutan itu akan dikaji olehnya sekali lagi. [2 markah]
- iii) Kerja-kerja itu tidak dapat saya selesaikan dalam tempoh waktu yang singkat. [2 markah]

Jawapan 3(c) – Kesalahan ejaan dan imbuhan

- | | | | |
|------|-------------|---|-----------------|
| i) | Lulusan | - | Lulus/Kelulusan |
| | Pra syarat | - | prasyarat |
| ii) | tahaf | - | tahap |
| | mengabaikan | - | diabaikan |
| iii) | efiktif | - | efektif |
| | bertingkat | - | meningkatkan |

[6 markah]

Jawapan 3 (d) – Kesalahan penggunaan kata/istilah dan tatabahasa

- | | | | |
|------|-----------------------|---|------------------------------|
| i) | keseorangan | - | sendiri |
| | paling berjaya sekali | - | paling berjaya |
| ii) | Senarai barang-barang | - | Senarai barang/barang-barang |
| | diperintahkan | - | dikuatkuasakan |
| iii) | memanjangkan | - | melanjutkan |
| | oleh kerana | - | oleh sebab/kerana |

[6 markah]

Jawapan 3 (e) – Peribahasa

- | | | |
|------|--|-------------|
| i) | sudah terhantuk, baru terngadah | [2 markah] |
| ii) | untung sabut timbul, untung batu tenggelam | [2 markah] |
| iii) | ikan di laut, asam di darat, dalam periuk, bertemu juga. | [2 markah] |

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4 - Novel

- (a) Sebab-sebab novel itu dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca

Novel Renyah:

- Kekayaan bukan jaminan hidup bahagia

Datuk Dolhi sentiasa berada dalam keadaan keresahan memikirkan anak-anaknya yang banyak menimbulkan masalah. Hasnol terlibat dalam rasuah, Dani terlibat dalam penyalahgunaan dadah, Mukhlis mempelajari ilmu agama songsang dan ilham pula terlibat dalam rusuhan.

Kesedaran kepada pembaca ialah kita tidak boleh meletakkan harapan mendapat kehidupan bahagia hanya kepada harta semata-mata, sebaliknya kebahagiaan hidup berkeluarga lebih utama.

- Poligami yang dilakukan secara sembunyi akan mendatangkan masalah. Datin Tominah tidak dapat menerima hakikat Datuk Dolhi pernah berkahwin lain dan mempunyai seorang anak. Dia merajuk dengan tindakan Datuk Dolhi itu.
Kesedaran kepada pembaca ialah poligami harus dilakukan mengikut lunas-lunas agama dan undang-undang agar semua pihak tidak rasa tertipu
- Keburukan terlibat dalam kegiatan rasuah
Hasnol telah ditangkap dan disoal siasat atas kesalahan menerima rasuah daripada Tengku Munir.
Kesedaran kepada pembaca ialah keburukan melibatkan diri dalam kegiatan rasuah yang boleh memusnahkan kehidupan
- Keburukan mengamalkan ajaran songsang
Mukhlis terlibat dalam kegiatan ajaran agama songsang sehingga menyebabkan dia dimanipulasi oleh anggota kumpulannya. Dia akhirnya tidak dapat mengawal diri dan menjadi sasau.
Kesedaran kepada pembaca ialah ajaran agama songsang ini akan membawa kemudaratan kepada diri sendiri dan aqidah manusia.

Terima mana-mana jawapan yang sesuai.

Maksimum = 7 markah

Novel Sutera Dalam Lukisan

- Kesusahan meneruskan kehidupan apabila kehilangan tempat bergantung
Bujei mengalami kesulitan meneruskan kehidupan apabila hidup sebatang kara. Bujei terpaksa menyara kehidupannya dengan mengambil upah mencuci motosikal Alias. Kadang kala dia mengharapkan belas ehsan penduduk kampung memberinya makanan seperti buah-buahan dan makanan.
Kesedaran kepada pembaca ialah sentiasa peka kepada kesusahan hidup orang yang tidak bernasib baik.
- **Kesedaran untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan**
Harun tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai bapa tiri kepada Bujei. Dia sepatutnya menjaga Bujei setelah ibu Bujei dan nenek Bujei meninggal dunia. Sebaliknya dia telah menganiayai Bujei dan merampas tanah kebun pusaka milik Bujei.
Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca bahawa kita seharusnya menjalankan tanggungjawab dan kewajipan terhadap ahli keluarga kita.
- **Kesedaran bahawa manusia boleh berubah sekiranya diberi peluang**
Bujei yang pada awalnya dianggap gila oleh penduduk kampung telah berubah dan menjadi manusia yang normal. Hal ini berlaku apabila Adila berusaha dengan gigih untuk mengubah Bujei mengenal dirinya sendiri dan mempunyai keyakinan diri.
- **Kesedaran bahawa setiap perbuatan ada balasannya**
Alias sering membuli Bujei dengan cara memukul dan menendang Bujei. Dia juga tidak membayar upah kepada Bujei apabila Bujei mencuci motosikalnya. Alias juga menabur fitnah terhadap Bujei dengan mengatakan bahawa Bujei

menghidap penyakit kulit. Alias turut memfitnah Adila menghidap penyakit Aids. Alias akhirnya menjadi tidak siuman.

- Pilih mana –mana jawapan – maksimum =7 markah

b) Satu peristiwa menarik

Novel Renyah

- Peristiwa semasa semasa Datuk Dolhi berjoging di Bukit Serakah dengan Albert Lee. Perbualan mereka menunjukkan keharmonian hidup dalam masyarakat berbilang kaum. Hubungan baik itu bukan setakat sebagai rakan kongsi, malah sanggup menjadi besan apabila berura-ura mengahwinkan anak-anak mereka.
 - Peristiwa menarik ialah Amera dinobatkan sebagai tokoh pendidik. Datuk Dolhi begitu berbangga dengan pencapaian anaknya itu.
 - Peristiwa pertemuan anak dan bapa di Jepun iaitu antara Datuk Dolhi dan Wahi. Datuk Dolhi begitu gembira apabila Wahi boleh menerimanya sebagai bapa. Mereka menghabiskan masa bersama-sama sambil berbincang tentang dunia perniagaan.
 - Peristiwa Datuk Dolhi menyambut kepulangan Wahin dan isterinya Yuka. Datin Tominah sudah boleh menerima Wahi sebagai ahli keluarga mereka. Pada masa yang sama, Datuk Dolhi berjaya menyelesaikan masalah anak-anaknya yang lain
- Terima mana-mana jawapan/ peristiwa menarik yang lain. Maksimum = 8 markah

Novel Sutera Dalam Lukisan

- **Peristiwa pertemuan antara Adila dan Bujei.**

Peristiwa ini saya anggap menarik kerana melaluinya kita dapat mengetahui betapa terujanya Bujei untuk bertemu dengan Adila. Dia bagaikan tidak percaya Adila ingin berjumpa dengannya, sehinggakan beberapa kali dia bertanya kepada Samsul untuk mendapatkan kepastian. Dalam pertemuan itu, Adila memanggil Bujei dengan panggilan Hafiz, iaitu nama sebenarnya. Bujei berasa begitu gembira setelah sekian lama, ada orang memanggilnya dengan panggilan itu.

- **Peristiwa Harun membelasah bujei .**

Harun datang menemui Bujei untuk meminta Bujei menurunkan tandatangan ke atas surat kuasa. Bujei telah bertindak menumpahkan dakwat ke atas kertas itu menyebabkan Harun marah dan membelasahnya dengan teruk. Keadaan Bujei yang dibelasah teruk dan

dikatakan hampir setengah mati itu telah menimbulkan rasa simpati pembaca menjadi peristiwa menarik dalam novel ini.

- **Peristiwa Bujei dengan keberaniannya melawan Alias yang selama ini amat ditakutinya.**

Hal ini terjadi apabila Bujei yang sudah mulai berubah menjadi manusia normal begitu marah setelah Alias menghempaskan radio yang baru dibelinya ke lantai. Akibatnya, Bujei telah mengugut untuk membakar motosikal Alias sekiranya Alias tidak membayar ganti rugi sebanyak RM 80 iaitu harga sebenar radio tersebut.

- Terima mana-mana jawapan. Maksimum = 8 markah